

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن اهتدى بهديه و استن بسنته و اقتدى بتعاليمه
وجاهد جهاده إلى يوم الدين. اللهم آت نفوسنا تقواها و زكها أنت خير من زكاها أنت وليها و مولاها. رب اشرح لي صدري
ويسر لي أمري و احلل عقدة من لساني يفقهوا قولي.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya terlebih dahulu mengalu-alukan kehadiran Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Mesyuarat Agung Tahunan ISMA kali ke-12.

Seperti biasa setiap kali mesyuarat agung saya akan melakukan sedikit anjakan. Ucapan dasar tahun ini merupakan kemuncak kepada ucapan-ucapan sebelumnya dalam melakarkan rangka idea yang membentuk halatuju ISMA pada masa akan datang yang memerlukan anjakan paradigma yang lebih besar.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada barisan kepimpinan dan ahli ISMA di semua peringkat yang telah memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan saya pada penggal yang lalu. Saudara saudari telah menyumbangkan harta dan tenaga tanpa mengira waktu dan ketika, di waktu senang dan susah dalam menjayakan agenda perjuangan ISMA sehingga ke tahap ini.

Idea ISMA bermula dengan pemikiran luar kotak, melakar dan mengengahkan agenda daripada perspektif yang tersendiri, tetapi berpijak atas landasan *istinbat* (kaedah pengambilan hukum) yang kukuh:

1. Bacaan realiti pertembungan antara agenda-agenda dalam realiti tempatan dan antarabangsa yang tepat daripada aspek percaturan antara pihak;
2. Berpijak pada akar sejarah bangsa yang gemilang;
3. Berasaskan kefahaman Islam sebagai agama yang syumul;
4. Menyelami kehendak-kehendak syariah berasaskan Fiqh al-Maqasid;
5. Berpegang kepada fiqh siasi yang digali daripada catatan pengalaman tradisi politik Islam semenjak zaman berzaman.

Bertitik tolak daripada landasan-landasan yang kukuh tersebut, ISMA merangka sebuah agenda yang menyeluruh mengikut fasa-fasa perubahan sesuai dengan realiti Malaysia.

Evolusi Tauhid

Saudara-saudari sekalian,

Mencapai kesempurnaan ubudiah dan ketundukan secara menyeluruh dalam segenap aspek (sistem) kehidupan adalah inspirasi tertinggi dalam hidup seorang muslim.

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي
مَخْصَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya: "Pada hari ini Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu (semua agama lain tunduk kepada kamu), dan Aku sempurnakan nikmat-Ku kepadamu dan Aku redha Islam sebagai sistem kehidupan (kenegaraan) kamu." (Surah al-Ma'idah: ayat 3)

Memenuhi tuntutan rabbani,

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ

Maksudnya: "Dan perangi mereka sehingga tiada lagi fitnah dan ketundukan seluruhnya hanya kepada Allah." (al-Baqarah: ayat 193)

Suasana di mana orang bukan Islam tunduk sepenuhnya kepada syariat Islam tanpa syarat.

Kalimah syahadah yang diucapkan menuntut kita supaya membebaskan diri dari cengkaman mana-mana sistem yang mengingkari Tuhan.

Tidak ada Tuhan melainkan Allah merupakan satu pengisytiharan penolakan dan penafian total terhadap sebarang bentuk hegemoni kuasa selain dari sistem Allah s.w.t.

Sistem Barat diasaskan atas dasar humanisme yang meletakkan kemanusiaan sebagai nilai tertinggi. Mengikut teori ini tiada kedudukan agama dalam sistem kehidupan. Agama hanya suatu yang bersifat spiritual dan tidak boleh menjadi asas dalam pertanggungjawaban.

Humanisme dengan itu satu jenis dari jenis-jenis kekufuran, keingkaran dan syirik.

"Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah (ugama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian). Dialah Yang telah mengutus RasulNya (Muhammad s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan ugama yang benar (ugama Islam), supaya ia

memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya." (Al-Soff: 8- 9)

Pertembungan hari ini ialah pertembungan antara sistem Barat yang mengeneipkan agama dengan sistem Islam yang menjadikan kalimah Allah sebagai tertinggi. Mengingkari dan menolak hegemoni sistem Barat yang tidak bertuhan adalah langkah pertama dalam proses evolusi tauhid.

Islam Kita

Saudara dan saudari sekalian !

Tauhid bukan tasawwur dalam pemikiran dan bukan sekadar akidah di dalam hati tetapi merupakan sistem dalam kehidupan.

Seorang Muslim yang memahami risalah Islam dengan baik akan menjadikan matlamat penguasaan Islam sebagai cita-cita tertinggi mereka. Islam adalah satu sistem dan humanisme Barat adalah satu sistem yang lain. Tidak ada titik bercampur antara kedua-dua sistem tersebut.

Imam Hasan Al-Banna, seorang mujadid Islam, telah memberi definisi Islam yang tepat untuk berdepan dengan hegemoni Barat.

Beliau mengatakan Islam adalah "***sistem yang syumul yang meliputi segenap aspek kehidupan***". Islam bukan seperti Kristian di Eropah, Islam adalah sistem yang berdiri sendiri. Ia tidak boleh dicampur gaul dengan ideologi lain dan bukan projek tampalan untuk mengindahkan mana-mana sistem yang lain.

Islam yang syumul tidak mungkin berdaulat di bawah hegemoni sistem liberal Barat.

Di atas kefahaman ini kita memerlukan sebuah sistem tersendiri dan bebas yang akan membangunkan sebuah kehidupan lain yang berasaskan tauhid. Sistem yang berasaskan nilai, akar budaya dan keperibadian asli kita. Kita tidak perlu rasa rendah diri atau mengalah sehingga sanggup lebur dalam identiti antarabangsa, hilang keperibadian dan jatidiri.

Kedaulatan Yang Tidak Sempurna

Pengaruh globalisasi dan hegemoni Barat telah meletakkan negara-negara Islam tidak boleh terlepas daripada sistem antarabangsa yang didominasi oleh fahaman humanisme yang liberal.

Walaupun negara-negara Islam pada fizikalnya sudah mencapai kemerdekaan tetapi daripada sudut ideologi dan nilai masih terikat dengan kehendak penjajah. Ia sebenarnya

adalah satu bentuk pencabulan yang menjadikan negara Islam pada hakikatnya sebuah negara yang cacat kedaulatannya.

Bahkan Barat bersedia menggunakan kekuatan senjata demi memastikan kejayaan agenda penjajahan budaya mereka.

Oleh kerana itu, adalah menjadi hakikat yang perlu diterima dalam kalangan ummat Islam yang berbagai-bagai aliran bahawa keutamaan ialah untuk mengembalikan kedaulatan sepenuhnya.

Percaturan politik antara pihak-pihak yang memiliki agenda di peringkat tempatan, serantau dan juga antarabangsa menuntut ummat Islam menumpukan kepada satu tekad iaitu membina kekuatan sendiri yang mampan.

Justeru, ISMA mengambil pendekatan dan menyeru organisasi dakwah Islam yang lain untuk bersama:

1. Menjadikan agenda utama untuk menjelaskan hakikat akidah tauhid dalam pertembungan tamadun.
2. Memahami bahawa untuk melaksanakan uluhiyah Allah S.W.T. menuntut kita menolak segala bentuk hegemoni yang menyingkir ketuanan Islam dalam melakar peta politik dunia.
3. Menjadi tanggungjawab setiap muslim memastikan setiap bumi yang diucapkan padanya kalimah syahadah untuk berada di bawah naungan rahmat Tuhan.

Saudara-saudari sekalian,

Masih ada kehendak yang kuat dalam diri ummat ini untuk keluar dari kongkongan tersebut. Selama mana ada iman dalam diri mereka selama itu mereka akan bangkit. Tugas kita ialah mengekalkan kehendak tersebut sehingga Allah membuat keputusan untuk kebebasan dan kalimah tauhid berdaulat semula.

Perkembangan terbaru di dunia Islam diharap dapat dijuruskan ke arah itu. Jatuhnya pemerintah yang menjadi tali barut dan lahirnya pemerintah yang mesra rakyat memberi harapan bahawa perubahan boleh berlaku pada masa depan yang hampir. Telah berlalu satu tempoh sengketa yang lama dalam hubungan antara pemerintah dan rakyat di negara Arab lantaran pemerintah-pemerintah tersebut kebanyakannya tali barut yang bekerja untuk tuannya di Barat.

Kehendak rakyat yang telah dikekang selama berpuluh tahun akhirnya memberontak. Apa yang dinantikan ialah pemerintah baru yang menghormati kehendak masyarakat Islam di peringkat antarabangsa.

Ummat Islam inginkan kebebasan dari Barat. Mereka mahu sumber-sumber kekuatan Islam digarap untuk membina satu kekuatan baru. Di atas kekuatan baru ini akan dapat memartabatkan semula maruah mereka. Diktatorlah yang selama ini menjadi penghalang untuk merealisasikan kehendak mereka. Mereka mahu perhubungan dengan Barat dibina atas asas saling hormat-menghormati. Apa yang dipertahankan oleh penguasa diktator hanyalah kepentingan diri mereka sahaja.

Matlamat kita ialah mengumpulkan kekuatan sumber Islam, membangunkan kesatuan budaya, nilai dan menegakkan syahadah yang sempurna. Kemudian kita perlu berhadapan dengan Barat dengan cara yang terhormat.

Masa depan bukan lagi akan menjadi milik Barat. Akan lahir kuasa-kuasa lain di Timur seperti China dan India. Justeru, pemimpin-pemimpin Islam perlu berfikir untuk menyatukan negara-negara Islam membangunkan kekuatan blok sendiri yang boleh berdiri sama tinggi dengan blok-blok lain. Keadaan negara Islam yang berpecah-belah dan tidak dipimpin ini akan merugikan ummat Islam pada era peralihan ini.

Sejajar dengan pergerakan di peringkat antarabangsa, ISMA penuh bangga menyeru ummat Islam di Malaysia untuk membuka halaman (*safhah*) baru dengan menamatkan sengketa antara nasionalis dan Islamis untuk membina sebuah kekuatan yang membolehkan kita juga memainkan peranan yang penting dalam usaha membina kekuatan Islam di peringkat serantau dan antarabangsa.

Agenda ISMA

Perjuangan ISMA terungkap dengan membina dan mempertahankan keperibadian dan jatidiri keIslaman bangsa dan negara Malaysia atau dengan kata lain mempertahankan identiti keIslaman negara kita Malaysia dan Melayu sebagai tonggakunya. ISMA menjadikan pendidikan dan tarbiah sebagai medan pertempuran utama. Musuh mahu merosak dan menghancurkan keperibadian dan jatidiri kita supaya mereka dapat menguasai kita. ISMA sebaliknya berjuang mempertahankan keperibadian dan memperkasakan jatidiri.

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۗ قُلْ إِنْ هُدَىٰ اللَّهُ هُوَ أَهْدَىٰ ۗ وَلَئِنْ أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ ۗ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٠٠﴾

Firman Allah SWT :

Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan redha kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka. Katakanlah: "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang benar)".

Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu. (al Baqarah:120)

Terdapat agenda yang terancang untuk mengeluarkan orang Melayu dari agama mereka. Sebagaimana yang kita tahu bahawa kristianisasi bukan bertujuan untuk memasukkan orang ke dalam agama Kristian tetapi cukup untuk mengeluarkan orang Islam dari agama mereka.

Apabila keperibadian kita berubah, pemikiran kita berubah. Apabila pemikiran kita berubah, neraca kita rosak dan bercampur-baur. Apabila nilai kita rosak, mudahlah musuh menguasai kita kerana waktu itu tidak ada lagi pertalian yang akan menyatukan kita dan tiada lagi misi yang menjadi landasan perjuangan.

Langkah pertama ialah kembali kepada sejarah untuk mengetahui siapa diri kita. Berdasarkan asas itu kita bangunkan keinginan baru menjadi sebuah bangsa yang mulia. Ini menuntut kita mengimbuai kembali detik bersejarah 24 Ogos 1511 iaitu tragedi kejatuhan Kota Melaka dan pada awal kurun kedua yang merupakan permulaan Kerajaan Melayu Langkasuka.

Konvensyen Memperingati Kejatuhan Kota Melaka 1511 (KEMM 1511) telah menjadi saksi, agenda ISMA adalah satu projek yang dibongkar dari akar sejarah bangsa Melayu sendiri. Kita mahu bangunkan semula keperibadian dan jatidiri bangsa mulia (Melayu) ini kerana kita yakin bahawa bangsa yang mempunyai jatidiri sahaja akan menjadi bangsa yang memiliki agenda. Dengan menjadi bangsa yang beragenda sahaja kita dapat keluar daripada menjadi mangsa politik pihak-pihak lain.

Ini menuntut daripada kita satu kerangka manhaj pembangunan yang menyeluruh serta dapat mengembalikan jatidiri, membangkitkan daya juang, rasa mulia diri, serta menjadi peribadi yang proaktif, kreatif, inovatif dan berdaya saing. Untuk itu saya mengumumkan anjakan baru dalam sejarah ISMA. Kita akan membuat beberapa rombakan atau penambahbaikan terhadap manhaj tarbiah yang sedia ada supaya ia lebih bersifat *inclusive* (terangkum), menjawab persoalan umum dan mengizinkan perkongsian pintar dengan berbagai-bagai pihak yang beriman dengan fikrah ISMA.

Kita akan membuat penekanan khusus kepada kajian sejarah, kerana mengetahui sejarah silam menjadi titik tolak kepada pergerakan kita pada masa kini dan akan datang.

ومن أظهر الإبداعات البشرية في الاستفادة من تنسيق حشد الظواهر الحيوية: قياس المستقبل على الماضي لمعرفة توجهات مسيرة حركة الحياة , فهذا هنا توليد حركة على مفاد حركة سابقة , وذلك هو (علم التاريخ) الذي يظن الفرد الذي لا مشروع له أنه مجرد متعة ذهنية معرفية , لكنه عند أصحاب المشاريع و الغايات : هو طريق فهم من أجل السيطرة.(الراشد : ولادة الحركات)

"Antara kreativiti yang paling menonjol yang dimiliki manusia dalam mengambil manfaat daripada koordinasi himpunan fenomena kehidupan ialah membandingkan masa hadapan dengan masa silam untuk mengetahui arah perjalanan gerakan kehidupan. Di sini datangnya

konsep kelahiran gerakan berdasarkan gerakan terdahulu. Ia adalah ilmu sejarah yang pada sangkaan individu yang tiada agenda semata-mata humor/ hiburan otak, namun sebaliknya di sisi mereka yang mempunyai agenda dan wawasan, ia adalah kaedah pemahaman untuk menguasai masa hadapan.” – Muhammad Ahmad ar Rasyid.

Muhammad Ahmad ar Rasyid juga menukilkan kata-kata seorang ahli sejarah Greek yang agung Thucydides (400 SM) mengatakan secara terang dalam bukunya supaya dapat dimanfaatkan oleh sesiapa yang mengetahui apa yang berlaku pada masa yang lampau, supaya ia boleh membuat jangkaan melalui ilmu ini apa yang akan berlaku pada masa akan datang atau menguasainya.

Melayu Sepakat Islam Berdaulat

Tiada penyelesaian yang lebih menguntungkan orang Melayu Islam kecuali menegakkan kuasa politik berteraskan konsep kenegaran Islam. Kerana negara Islam adalah negara secara akidahnya milik orang Islam. Sebab itu ia akan ditentang keras oleh orang bukan Islam sama ada di dalam negara atau di peringkat antarabangsa.

Kedaulatan Islam

Saudara-saudari sekalian,

Ramai orang bercakap tentang menegakkan syariat Islam. Mari kita faham apa maksudnya dengan lebih mendalam supaya kita tahu apa yang hendak kita tegakkan dan bagaimana cara menegakkannya dengan lebih tepat.

Menegakkan kedaulatan Islam harus dilihat dari dua aspek:

1. Wujud negara ummat Islam yang berdaulat serta mampu mempertahankan maruah bangsa "حفظ الحوزة و الذود عن البيضة"
2. Menegakkan sistem perundangan berteraskan maqasid syarak yang menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dua unsur ini membentuk sistem politik Islam.

Politik Islam bertujuan menegakkan sistem yang memelihara masalah kehidupan manusia untuk mencapai kesejahteraan hidup dunia dan kebahagiaan akhirat.

Hukum-hakam Islam seluruhnya terjurus untuk mencapai objektif tersebut. Islam menjadikan menjaga lima kepentingan (*dhoruriat al-khamsah*) iaitu agama, ruh, akal, nasab dan harta sebagai asas nizam am (sistem civil) dalam negara Islam.

Islam tegas dalam menjaga keselamatan nyawa sehingga menganggap membunuh satu nyawa seolah-olah membunuh nyawa seluruhnya.

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا

Maksudnya: "...Bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya." (Surah Al-Maidah: ayat 32)

Sebab itu kalau dikaji dalam khazanah fiqh Islam, kita dapati hukuman potong tangan ke atas pencuri, bukanlah dikira berdasarkan nilai barang yang dicuri tetapi kerana pencuri telah mencabar sistem yang memelihara kemuliaan harta, maka ia perlu dicegah dengan tegas.

Begitu juga zina, Islam mensyaratkan empat orang saksi. Cukup sukar untuk berlaku kalau hendak dikira. Tetapi jika seseorang disabitkan kesalahan berzina bermakna dia berzina secara terang-terangan dan itu dianggap mencabar sistem dan layak menerima hukuman yang menginsafkan. Begitu juga hukuman merompak, lebih berat daripada mencuri kerana perompak lebih berani mencabar sistem berbanding pencuri yang mencuri secara sembunyi-sembunyi. **Menegakkan undang-undang sivil berteraskan syariat adalah kemuncak kedaulatan sesebuah negara Islam.**

Oleh kerana amat penting bagi pejuang Islam hari ini memahami maksud sebenar dari perjuangan mereka (apa yang sebenarnya mereka ingin tegakkan), supaya mereka tidak terkeliru dengan penyelesaian tempelan atau sampingan. Kita bukan sekadar ingin menjalankan hukum tetapi menegakkan sistem.

Seperkara lagi mereka juga harus fahami ialah menegakkan idea yang seperti ini bertentangan secara langsung dengan hegemoni sistem liberal Barat yang mengenyepikan peranan agama dalam kehidupan. Sebab itu kita akan lihat Barat akan menyinsing lengan menentang apa sahaja perkembangan ke arah pendaulatan syariat di mana-mana negara di muka bumi ini . Inilah sebab kenapa Ikhwan Muslimin di Mesir berterusan menafikan bahawa ia akan ambil bahagian dalam kerajaan atau mencalonkan diri dalam pemilihan presiden Mesir yang baru.

Kita perlukan kepada satu kekuatan imbangan (dokongan) yang munasabah dalam percaturan politik dalam negeri dan juga di peringkat antarabangsa sebelum kita boleh bercakap tentang cita-cita menegakkan negara Islam atau pelaksanaan hukum. Keutamaan hari ini ialah menumpukan perhatian kepada usaha membina kekuatan (dengan membina sebuah ummat) yang bersedia mempertahankan tampuk kuasa.

Melengkapi Syarat *Kifayah* Dalam Kepimpinan Islam

Telah saya sebutkan bahawa untuk merealisasikan cita-cita mendaulatkan Islam perlukan kuasaimbangan (dokongan) yang munasabah sama ada di peringkat tempatan, serantau dan juga antarabangsa. Kuasaimbangan (dokongan) ini saya rujuk kepada kalimah "syaukah" yang merupakan salah satu syarat kifayah bagi melayakkan seseorang pemimpin Islam memegang jawatan.

Imam al Haramain dalam kitabnya *Ghiyathul umam* menyebut bahawa untuk mengesahkan lantikan seseorang pemimpin tidak cukup dengan semata-mata *mandate (baiah ahli al halli wa al aqdi)* tetapi hendaklah ia mendapat dokongan kuat daripada pengikutnya sehingga tidak ada puak yang boleh mencabar kepimpinannya.

Pada pandangan saya "syaukah" ini tidak cukup dengan sekadar mendapat undi majoriti dalam pilihan raya tetapi ia adalah dokongan yang lebih kuat dari itu iaitu dokongan satu bangsa yang beriman. Kerana menang pilihanraya tidak cukup kuat untuk menjadi sandaran kepada penubuhan negara Islam.

Realiti yang kita saksikan hari ini sudah menjadi bukti yang cukup jelas bahawa parti-parti yang bertanding dari awal tidak sanggup mengemukakan manifesto negara Islam. Kuasa undi telah merubah haluan parti-parti, bukan mengukuhkannya. Itu belum lagi menang atau mendapat kuasa. Mempertahankan kekuasaan lebih sukar dari usaha untuk mendapatkan kuasa.

Ramai yang tidak faham apabila ISMA mengatakan bahawa Melayu adalah bangsa tonggak. Orang bukan Islam faham politik Islam sebab itu mereka memfokuskan usaha untuk menghancurkan keperibadian Melayu, tetapi orang Islam yang tidak faham dan menganggapnya sebagai asobiah yang dilarang.

Saya ingin merujuk kepada tulisan Ibnu Khaldun dalam Muqadimahnyanya yang secara terang dan nyata mengatakan bahawa "asobiah" adalah suatu yang mustahak dalam usaha menegakkan pemerintahan Islam. Beliau telah menghurai maksud "Quraisy" dalam syarat *imamah*.

Beliau mengatakan setelah membuat proses "*as sabru wa taqsim*",- satu proses dalam usul fiqh untuk mengeluarkan *illah* satu-satu hukum- bahawa "*al-munasabah*" kepada syarat Quraisy bukan untuk ambil berkat daripada Ahli al Bait tetapi adalah "*as syaukah*". Beliau bersandarkan kepada sebuah hadis sahih riwayat Imam Ahmad:

"Tidaklah Allah mengutuskan seorang nabi kecuali berada dalam perlindungan kaumnya."

Menjawab persoalan yang ditimbulkan dari nas-nas yang mencela "asobiah" beliau mengatakan bahawa dunia semuanya jambatan menuju ke akhirat. Apabila syarak mencela satu-satu perkara bukan bererti ia mahu mencabutnya dari akar umbi tetapi menghalang dari digunakan untuk tujuan yang salah.

Sebagai contoh hadis "jangan marah" ia tidak bermaksud mencabut marah dari diri manusia tetapi mengelakkan seseorang dari melakukan kerosakan kerana marah. Kalau marah dicabut pada diri manusia maka tidak akan berlakulah jihad dan amar makruf dan nahi mungkar. Begitulah juga kisahnya dengan asobiah, jika asobiah dibuang terus dari diri manusia tiadalah kekuatan untuk mendokong dan mempertahankan kebenaran dan dengan itu tidak akan tertegakkan agama ini.

Kalau kita rujuk pada sirah nabi Muhammad s.a.w juga kita akan jumpa perkara yang sama. Baginda dilindungi oleh Abu Talib dan ingat apa yang diucapkan oleh Abbas kepada puak Aus dan Khazraj pada malam Bai'at Aqabah yang kedua sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Mubarakfuri:

"Wahai sekalian Khazraj, sesungguhnya Muhammad dari kalangan kami seperti yang kamu tahu, kami telah mempertahankannya dari kaum kami yang tidak sama pendapat dengan kami tentangnya. Maka dia berada dalam keadaan mulia (dimenangkan) terhadap kaumnya, dipertahankan dalam negerinya, namun ia mahu menyertai kamu, kalau kamu rasa kamu akan setia terhadapnya dan mempertahankannya dari puak yang menentangnya maka silakan atas jaminan kamu. Tetapi jika kamu rasa akan menyerahkannya dan meninggalkannya setelah ia menyertai kamu, maka lebih baik kamu meninggalkannya dari sekarang. Sesungguhnya ia berada dalam keadaan mulia dan dipertahankan dari kaumnya dan negerinya".

Kesimpulannya dalam konteks Malaysia dan juga serantau, syaukah ialah kekuatan Melayu yang bersatu. Kerana Melayu adalah ummat yang membawa dan mendokong Islam di rantau ini sejak ratusan tahun, mereka memiliki sentimen yang kuat terhadap Islam. Islam telah sehati dengan darah mereka dan sanggup membela Islam dengan apa sahaja yang mereka miliki.

Sebab itu kita mahu Melayu menjadi sandaran kekuatan politik Islam. Memelihara identiti Melayu dan membangunkan keperibadian mereka adalah suatu yang mustahak dalam usaha menegakkan Islam di Malaysia.

ISMA akan konsisten dalam usaha dakwahnya berusaha memenuhi syarat sunnatul Allah ini. Matlamat kita ialah dakwah secara aman. Kita tidak akan menukar matlamat biar seratus tahun lagi. Kita akan bekerja dan bekerja sehingga terbentuk satu bangsa yang kuat dan beriman atau Allah menentukan takdir-takdir yang lain.

Politik Islam dan Kuasa Tawar-Menawar

Telah jelas kepada kita bahawa kita berada dalam sebuah negara merdeka yang tidak sempurna kedaulatannya. Dalam keadaan ini adalah menjadi tanggungjawab ummat Islam untuk memelihara usul syariat dan masalah Muslimin. Walaupun kita tidak punyai kuasa penuh dalam politik (secara Islam) kita wajib menggunakan ruangkuasa yang berbaki untuk tujuan tersebut, *"barang yang tidak boleh dicapai semua tidak boleh ditinggal semua"*.

Bahkan bertitik tolak daripada itu kita wajib berfikir untuk sentiasa memastikan agar kita berada di kedudukan yang lebih kuat. Percaturan hari ini terletak kepada kuasa tawar-menawar. Kuat kuasa tawar-menawar, kuatlah pendirian politik kita. Saya berpendapat bahawa memperkukuhkan "kuasa tawar-menawar" ini sepatutnya menjadi asas pendirian politik kumpulan-kumpulan Islam di Malaysia.

Saya harap perkara ini dapat difahami, kerana untuk mencapai matlamat politik Islam dewasa ini adalah satu perkara yang tidak mudah. Fiqh yang harus digunakan ialah fiqh di zaman tiada pemerintahan Islam (dari aspek syarak). Kedaulatan negara wajib dipertahankan, maruah wajib dibela, masalah umum wajib dijaga, dalam keadaan kuasa yang tidak sempurna, maka pegangan kita ialah **mewujudkan kesepakatan** di kalangan ummat Islam yang mengizinkan kita membentuk kuasa tawar-menawar yang kuat.

Konsep "kuasa tawar-menawar" ini adalah tahap yang lebih rendah daripada mafhum "as syukah" yang digunakan oleh Imam Haramain atau "asobiah" yang digunakan oleh Ibnu Khaldun. Dalam keadaan orang Melayu Islam yang merupakan majoriti terbanyak mengidap berbagai jenis kelemahan, telah melalui proses normalisasi yang panjang (berfikiran liberal), tidak faham Islam dengan baik, berpecah belah oleh percaturan politik, mengandaikan orang Melayu mendokong dengan kuat agenda Islam adalah tidak munasabah, maka cukuplah jika kita dapat pertahankan kesepakatan umum dalam hal yang menjamin masalah mereka.

ISMA bertekad untuk menjadikan agenda utamanya untuk menyebarkan *thaqafah* kesatuan di kalangan orang Melayu. Banyak kesamaan yang kita miliki, kita dari satu rumpun, adat kita sama, kiblat kita sama, nabi kita sama, mazhab kita sama, kita ahli Sunnah wal Jamaah. Cuma yang kita berbeza ialah dari segi politik. Sebab itu saya seru semua pihak kembali kepada memahami politik Islam, politik beretika dan politik berasaskan kepentingan ummat.

Atas semangat yang sama ISMA menolak penyebaran fahaman Syiah di kalangan orang Melayu. Kita menyokong langkah kerajaan yang mengharamkan penyebaran fahaman Syiah di kalangan orang Melayu. Malaysia adalah negara Sunni dan ia wajib kekal begitu. Penyebaran fahaman Syiah di kalangan orang Melayu boleh menjejaskan perpaduan dan boleh menyebabkan agenda Islam digagalkan pada masa akan datang.

ISMA juga akan menyumbangkan tenaga dalam usaha mendekati ahli politik Melayu Islam agar mereka boleh bersepakat dalam perkara yang melibatkan kepentingan bersama. ISMA sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam usaha membawa pihak-pihak di kalangan orang Melayu duduk semeja.

Mencari Kesepakatan

Walaupun dalam undang-undang politik semua perkara boleh jadi tetapi dalam situasi sekarang atau sekurang-kurangnya buat masa ini bercakap tentang kesatuan Islam adalah suatu yang masih jauh. Saya pun merasakan bahawa itu bukan suatu pilihan yang realistik. Apa yang boleh kita cadangkan ialah wujud terma persefahaman antara pihak-pihak Islam khususnya dalam isu berkaitan agama, bangsa dan masa depan negara.

Jadi apa yang perlu difikirkan sekarang ialah mencari titik persepakatan tersebut.

Saya telah nyatakan bahawa negara kita tidak memiliki kedaulatan yang sempurna. Nilai dan budaya barat masih membatasi kehendak kita. Dalam masa yang sama ada pihak dalaman yang akan mengambil kesempatan daripada pengaruh tersebut. Maka menjadi kewajipan setiap Muslim sama ada individu atau organisasi, berusaha untuk mengurangkan kesan buruk dari cengkaman tersebut.

Merujuk kepada tuntutan maqasid syarak, saya mencadangkan agar menjadikan matlamat mempertahankan kuasa tawar-menawar (wewenangan) kaum muslimin sebagai asas persepakatan dalam konteks:

1. Mendapat kekuatan untuk berdepan dengan pertembungan tamadun;,
2. Membentuk dasar domestik dan dasar luar yang bebas;
3. Menghalang agenda bangsa asing yang mengambil kesempatan dari pengaruh globalisasi;
4. Memastikan pentafsiran undang-undang berkaitan dengan kedudukan agama Islam, institusi Raja-Raja Melayu, hak-hak keistimewaan Melayu, bahasa kebangsaan dan budaya Melayu sebagai budaya nasional ke arah memperkukuhkan kedudukan orang Melayu dan Islam.

Di samping itu perasaan orang Islam juga perlu diambil kira dalam melayan apa-apa tuntutan. Jangan kerana hendak ambil hati orang bukan Islam maka perasaan orang Islam tidak dipedulikan.

Alangkah baiknya jika dalam manifesto parti-parti politik dan NGO orang Melayu, mereka berlumba-lumba untuk mengemukakan siapa yang lebih baik agendanya untuk agama, bangsa dan negara.

Ketuanan Melayu

Di sini timbulnya istilah ketuanan Melayu. Berbagai pihak memberikan pandangan yang bercanggah mengikut tafsiran masing-masing terhadap apakah maksud ketuanan Melayu.

Bagi kita, perkataan ketuanan merujuk kepada istilah bahasa Arab iaitu "*siyadah*" dengan makna kepimpinan. Orang Melayu atas sifatnya sebagai penghuni asal Tanah Melayu dan beragama Islam maka mengikut konsep kenegaraan Islam, merekalah yang paling berhak atas kepimpinan negara dan dalam menentukan rupa bentuk kenegaraan dan masa depan negara. Ini adalah hak tradisi yang diwarisi turun temurun. Jika orang Melayu ingin mempertahankan hak mereka tersebut maka ia adalah suatu tuntutan yang sah di sisi sejarah, undang-undang dan agama Islam.

Atas dasar itu ISMA tidak menolak "ketuanan Melayu". Mengekalkan kuasa di tangan orang Melayu lebih selamat dalam konteks maksud syariah dalam memelihara kedaulatan, membela maruah bangsa dan masa depan negara, berdasarkan kaedah "*barang yang tidak boleh dicapai sepenuhnya tidak ditinggalkan sepenuhnya*". Hari ini politik Melayu tidak dapat merealisasikan aspirasi politik Islam sepenuhnya, tetapi adalah tidak dapat dinafikan ia merupakan satu kemaslahatan yang perlu dipelihara di zaman ketiadaan daulah.

Adapun mentafsirkan ketuanan Melayu dengan makna bahawa bangsa Melayu lebih mulia dari bangsa lain kerana darah dan keturunannya, maka pada pandangan ISMA, itu adalah suatu yang tidak pernah wujud dalam transkrip Melayu sejak zaman dahulu.

Tinggal lagi tafsiran ketuanan Melayu dengan makna asobiah Melayu yang membawa permusuhan sesama Islam atau menindas dan menafikan hak bangsa lain maka itu suatu yang jelas dicegah oleh agama.

Satu perkara penting yang perlu difahami dalam percaturan politik semasa ialah wujud pihak yang menjalankan strategi meruntuhkan konsep ketuanan Melayu. Ini kerana ketuanan Melayu pada mereka adalah penghalang cita-cita mereka untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan kesamarataan mutlak. Dengan meruntuhkan tradisi tersebut akan menyenangkan laluan mereka untuk mengambil posisi penting dalam kepimpinan negara dan mewarnainya dengan warna yang lain.

ISMA dan Demokrasi

Sesungguhnya ISMA sama sekali tidak menolak elemen-elemen positif yang wujud dalam demokrasi pilihanraya. ISMA menerima:

1. Pertukaran kuasa secara aman;
2. Hak rakyat untuk muhasabah pemerintah;
3. Hak rakyat untuk sama-sama menentukan masa depan negara

ISMA menganggap demokrasi pilihanraya adalah hasil penemuan manusia. Islam tidak melarang ummatnya mengambil faedah daripada pengalaman manusia, seperti sabda Rasulullah s.a.w

الحكمة ضالة المؤمن أنى وجدها فهو أحق بها

"Kebijaksanaan itu adalah barang yang hilang daripada orang yang beriman, di mana ia menjumpainya, ia lebih berhak terhadapnya".

Namun ISMA menolak falsafah demokrasi Barat yang menolak peranan Tuhan dalam pemerintahan, peranan agama dalam kehidupan, yang menyamaratakan antara orang yang beriman dan tidak beriman, yang menganggap semua agama sama menyeru kepada perkara yang betul. Falsafah liberal yang bolos daripada setiap ikatan akhlak dan hukum-hakam serta meletakkan kebebasan individu sebagai nilai tertinggi atau rakyat sebagai Tuhan.

Sepanjang pemerhatian saya, menyelesaikan masalah dalaman sesama ummat Islam dengan mengimport formula dan penyelesaian dari luar khususnya Barat tidak pernah membawa keuntungan kepada ummat dan negara Islam. Justeru ISMA menyeru semua pihak agar lebih berhati-hati dalam membuat seruan. Marilah kita selesaikan masalah sesama kita dengan cara kita. Kita ada al-Quran, kita ada al-Sunnah dan kaya dengan pengalaman yang boleh merawat masalah kita dengan cara kita sendiri.

Kita boleh ambil faedah daripada pengalaman Barat tentang demokrasi, kebebasan dan hak rakyat tetapi hendaklah ditegakkan atas asas nilai kita yang tersendiri.

Tanah Melayu atau Malaysia sekarang adalah negara ummat Islam. Merekalah- atas kehendak agama- seharusnya memiliki al-siyadah atau ketuanan ke atas tanah warisan ini. Merekalah yang berhak menentukan rupa bentuk dan hala tuju masa depan negara seperti yang dituntut oleh agama terhadap mereka. Orang bukan Islam harus menerima hakikat ini kalau mereka ingin menjadi warganegara Malaysia.

Menyerahkan hak atau berkongsi milik, hak menentu dan mewarna rupa bentuk negara dengan orang lain yang tidak seagama atas nama demokrasi dan hak kesamarataan adalah satu pengkhianatan terhadap maruah bangsa dan kemerdekaan negara.

Integrasi Nasional

Isu integrasi nasional adalah isu yang paling "kritikal" yang menjadi paksi pertembungan antara agenda parti-parti politik di Malaysia. Di Malaysia tidak berlaku asimilasi kaum dan tidak ada pancasila seperti di Indonesia. Setiap kaum kekal dengan identiti kaum masing-masing. Malaysia sebaliknya mengamalkan integrasi politik atau disebut juga integrasi paksaan.

Hari ini isu polarisasi kaum menjadi ancaman. Ia dilihat bakal menggugat kestabilan Negara dan keselamatan nasional jika tidak mampu ditangani dengan bijak. Kita dapat lihat desakan kaum-kaum lain selain Melayu semakin agresif, yang melibatkan hak agama, budaya, politik dan juga ekonomi. Walaupun perlembagaan Malaysia telah menggariskan satu persepakatan tetapi desakan-desakan baru seakan-akan ingin menggugat status quo.

Kita dapat lihat blok-blok politik telah menjadikan isu ini sebagai modal politik untuk menarik pengundi khususnya bukan Islam. Mereka saling mengemukakan tawaran yang lebih lumayan daripada satu pihak yang lain. Dalam situasi ini, yang sentiasa mencair ialah orang Melayu sedangkan kaum lain semakin memperkuat asakan mereka.

Kesamarataan mutlak seperti yang diamalkan di Barat seperti di Amerika akan mengancam kedudukan dan keselamatan orang Islam di negara ini. Akan berlaku perubahan kepada semangat dan ruh perlembagaan yang boleh menyebabkan ancaman kepada ketabihan politik dan keselamatan nasional.

Saya tidak lihat kaedah Barat sesuai untuk Malaysia. Sekali lagi kita perlu berprinsip dalam berpolitik. Saya bimbang keghairahan untuk meredakan hati orang bukan Islam oleh sebab ketiadaan kesepakatan di kalangan kita dan wujudnya kelemahan kuasa tawar-menawar orang Islam, akan membawa padah kepada teras kenegaraan Malaysia.

Bagi saya Malaysia adalah negara ummat Islam, negara yang berteraskan akidah. Negara mereka yang beragama Islam. Orang bukan Islam menjadi warga negara secara kontrak. Mereka memiliki hak kewarganegaraan sama dengan orang Islam tetapi mereka mesti menghormati kepimpinan Islam dan rupabangsa negara yang berteraskan Islam.

Bagi ISMA format yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w melalui Piagam Madinah adalah lebih baik bagi orang Islam. Ketuanan Melayu Islam di Malaysia adalah satu nilai tetap (thawabit) yang harus dihormati oleh semua dalam menjalankan proses demokrasi di negara ini. Mereka harus menghormati kedudukan agama Islam, kedudukan raja-raja Melayu, Bahasa Melayu dan budaya Melayu sebagai budaya kebangsaan serta apa-apa yang termaktub dalam perlembagaan sebagai hak orang Melayu Islam.

Orang bukan Islam boleh terlibat dalam politik dan demokrasi, memperjuangkan hak, menyuarakan pandangan tetapi mereka tidak boleh diberi hak menentu atau dibiarkan memiliki kuasa membuat ketentuan atau mempengaruhi keputusan dalam membuat ketentuan. Kedudukan yang dikatakan istimewa selama ini bukanlah satu benteng yang kukuh, jika dibayangkan segalanya itu runtuh dan tertegak atas asas kenegaraan baru atas asas liberal demokrasi Barat.

Sekali lagi kita kembali kepada teori kuasa tawar-menawar yang saya pertegaskan diperenggan-perenggan yang lalu. Tanpa bersepakat atas tujuan tersebut segala hak yang masih tersisa akan terhakis dengan sendiri.

Saudara-saudari sekalian,

Saya berharap ucapan saya ini dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap landasan perjuangan dan pendirian ISMA. Malaysia tidak sama dengan realiti di negara lain. Justeru, ia memerlukan ijtihad yang tersendiri, unik dan penuh cermat. Kita tidak boleh menukarkan feqah dari negara lain ke Malaysia tanpa terlebih dahulu memahami situasi khusus di Malaysia terutama dari segi sejarah dan struktur demografinya. Yang penting ialah berpegang kepada maqasid syarak dan asas ijtihad yang betul.

Wallahu a'lam.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.